

Hong Leong Growth Fund

Mencari peluang untuk potensi pertumbuhan



- \$ **Tumpuan pilihan saham kepada syarikat-syarikat yang beroperasi dalam sektor pertumbuhan tinggi**
Memilih syarikat yang:
 - Menunjukkan kebarangkalian tinggi untuk mencatatkan kadar pertumbuhan lebih tinggi dari pasaran dan/atau industri
 - Memiliki kumpulan pengurusan berkemampuan tinggi dan profesional serta mempunyai pencapaian pertumbuhan yang mampan
 - Mempunyai model perniagaan yang lestari dan boleh dicapai dengan produk yang sentiasa memenuhi keperluan pasaran

- \$ **Perolehi potensi pendedahan kepada pasaran asing sehingga 30% untuk kepelbagaian**

- \$ **Potensi agihan pendapatan tahunan**

Kategori Dana	Ekuiti
Jenis Dana	Pertumbuhan & Pendapatan
Penilaian Risiko Produk	Tinggi
Objektif Pelaburan	<p>Untuk menyediakan tahap pulangan pendapatan secara tetap* yang menarik** kepada pelabur dan peningkatan modal ke atas nilai unit dengan kadar risiko yang boleh diterima.</p> <p>* Tumpuan utama Dana adalah pertumbuhan modal dengan sedikit tumpuan kepada pendapatan. Pendapatan mungkin diagihkan dalam bentuk tunai dan/atau unit.</p> <p>** Dana bertujuan untuk menyediakan pulangan mampan risiko-diselaraskan dalam bentuk pertumbuhan modal dan pendapatan sejajar dengan prestasi penanda aras dan dasar agihan Dana, namun ia tidak dijamin.</p>
Peruntukan Aset (% daripada NAB Dana)	Ekuiti : Minimum 70% Sekuriti pendapatan tetap: Maksimum 30%
Pelaburan Awal Minimum	RM1,000
Pelaburan Tambahan Minimum	RM100
Caj Jualan	Sehingga 6.00% dari Nilai Aset Bersih (NAB) seunit
Yuran Tahunan Pengurusan	1.50% setahun
Yuran Tahunan Pemegang Amanah	0.06% setahun

Penafian: Penafian: Risalah ini tidak pernah disemak oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Pelabur adalah dinasihatkan agar membaca dan memahami kandungan Prospektus Induk Hong Leong bertarikh 27 Februari 2023 serta Prospektus Induk Tambahan Pertama, Kedua dan Ketiga bertarikh 18 Ogos 2023, 5 Januari 2024 dan 19 Ogos 2024 masing-masing (secara kolektif dirujuk sebagai "Prospektus") dan Lembaran Maklumat Produk ("PHS") sebelum melabur. Prospektus ini telah didaftarkan dan PHS ini telah diserahkan kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang tidak bertanggungjawab ke atas kandungan Prospektus dan PHS tersebut. Pendaftaran Prospektus atau penyerahan PHS ke Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak bermaksud atau menunjukkan bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah mengesyor atau menyokong dana tersebut. Salinan Prospektus ini boleh diperolehi dari mana-mana pejabat, ejen atau pengedar sah HLAM kami. Lembaran Maklumat Produk juga disediakan dan pelabur berhak untuk memintanya. Lembaran Maklumat Produk dan sebarang dokumen pendedahan produk lain seharusnya dibaca dan difahami sebelum membuat sebarang keputusan pelaburan. Anda juga seharusnya mempertimbangkan yuran dan caj yang dikenakan sebelum melabur. Harga unit dan agihan bolehbayar, jika ada, mungkin boleh turun atau naik, dan prestasi lampau dana bukan indikasi prestasi akan datang. Di mana agihan/pecahan unit diisytiharkan, pelabur dimaklumkan bahawa NAB seunit akan berkurangan dari NAB sebelum-agihan/NAB sebelum-pecahan unit kepada NAB selepas-agihan/NAB selepas-pecahan unit. Di mana pecahan unit diisytiharkan, nilai pelaburan anda dalam Ringgit Malaysia akan kekal tidak berubah selepas unit-unit tambahan diagihkan. Di mana pembiayaan unit amanah disediakan, pelabur dinasihatkan agar membaca dan memahami kandungan penyata pendedahan risiko pembiayaan unit amanah sebelum membuat keputusan meminjam untuk membeli unit. Pelabur harus menyedari risiko spesifik untuk Dana sebelum melabur: Risiko sekuriti tertentu, risiko kredit/ingkar, risiko kadar faedah, risiko matawang, risiko penerbit tunggal dan risiko negara. Permohonan mesti dibuat menggunakan Borang Membuka Akaun dan Borang Permohonan Pelaburan yang dirujuk dan dilampirkan bersama Prospektus. Dana mungkin tidak sesuai untuk semua dan jika terdapat sebarang keraguan, pelabur seharusnya mendapatkan nasihat bebas. Risalah ini mungkin diterbitkan dalam pelbagai bahasa. Sekiranya terdapat perancangan atau perbezaan dalam risalah, risalah versi Bahasa Inggeris akan berkuat kuasa dalam semua keadaan.

